



Fail: (11) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 25 November 2011

Ketua Pengarang,

Harian Metro

Akhbar : **Harian Metro**
Tarikh : **20 Oktober 2011**
Subjek : **PENANTIAN 13 TAHUN**

Merujuk kepada perkara di atas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada pihak Harian Metro kerana mengetengahkan isu tersebut. Pihak Kementerian khususnya Jabatan Perumahan Negara(JPN) telah membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan.

Untuk makluman, dari tahun 1990 hingga 15 Oktober 2011, Projek Perumahan Taman Serosa Kajang, Ulu Langat Selangor yang dimajukan oleh Serosa Resources Sdn Bhd dikategorikan dalam Projek Dikeluarkan Dari Senarai Terbengkalai (Siap/Selesai)

Berdasarkan rekod, projek ini telah dikategorikan sebagai projek perumahan terbengkalai pada 31 Disember 2003 dan di keluarkan dari senarai projek tebengkalai pada Januari 2011. Pemaju Serosa Resources Sdn Bhd telah digulung dan Tetuan Crowe Horwath telah dilantik sebagai pelikuidasi pada 11 Jun 2003. Walaubagaimanapun, pelan pemulihan bagi projek ini tidak dapat diteruskan kerana pada 24 Mac 2011, hartanah tersebut telah dilelong dan pembida tertinggi adalah Syarikat Bedena (M) Sdn Bhd.

Sehubungan itu, para pembeli adalah dinasihatkan untuk terus merujuk kepada pihak Syarikat Bedena (M) Sdn. Bhd atau Tetuan Crowe Horwath untuk tindakan selanjutnya.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my